

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan kebajikan pelarian atau "*Refugee*" dan bilangan mereka dilihat seolah semakin bertambah terutamanya di kawasan Kapar.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Sehingga kini, Malaysia tidak mengiktiraf keberadaan pelarian dan pemohon suaka di dalam negara memandangkan Malaysia bukanlah Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol Mengenai Status Pelarian 1967.
2. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan pelarian dan pemohon suaka yang mendapat perlindungan antarabangsa melalui Pejabat UNHCR di Malaysia untuk tinggal sementara di negara ini. Kerajaan juga sentiasa meneruskan kerjasama baik dan rundingan yang berterusan dengan pihak UNHCR seperti kerjasama melalui pewujudan *Joint Task Force* (JTF) antara pihak Kerajaan dengan UNHCR yang berfungsi untuk membincangkan permasalahan dan strategi berkaitan pengurusan pelarian dan pemohon suaka di Malaysia.
3. Pada masa ini, Kerajaan tidak mempunyai maklumat secara terperinci berhubung keberadaan pelarian atau "*Refugee*" di kawasan Kapar ataupun lain-lain kawasan di dalam Negara memandangkan data statistik pelarian atau "*Refugee*" di Malaysia yang berdaftar dengan UNHCR adalah dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak UNHCR di Kuala Lumpur yang mana pihak Kerajaan Malaysia tidak mempunyai sebarang akses terhadap data keberadaan golongan ini. Data statistik yang diperolehi daripada pihak UNHCR pada masa ini adalah melalui kerjasama dan hubungan baik pihak Kerajaan dengan pihak UNHCR.
4. Dari aspek kebajikan, Kerajaan juga tidak menghalang mana-mana orang perseorangan, pertubuhan bukan Kerajaan, syarikat korporat serta mana-mana organisasi tempatan untuk melaksanakan bantuan kebajikan kepada pelarian yang mempunyai Kad UNHCR yang sah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini penduduk Sabah mengikut pecahan warganegara dan warganegara asing, kaum dan agama.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah penduduk Sabah terkini berdasarkan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2021 mengikut kumpulan etnik adalah seperti berikut:

Kategori	Jumlah Penduduk (juta)
Warganegara Malaysia	2.84
• Bumiputera	2.39
○ Melayu	0.32
○ Kadazan/ Dusun	0.67
○ Bajau	0.53
○ Murut	0.12
○ Bumiputera Lain	0.75
• Cina	0.31

• India	0.01
• Lain-lain	0.13
Bukan Warganegara Malaysia	1.00
JUMLAH	3.83

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.
2. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

2. Manakala jumlah penduduk Sabah terkini berdasarkan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2021 mengikut agama adalah seperti berikut:

Kategori	Jumlah Penduduk (juta)
Islam	2.47
Buddha	0.24
Kristian	1.05
Hindu	0.004
Sikhism	0.002
Lain-lain agama*	0.06
Tiada agama	0.01
JUMLAH	3.83

Nota:

1. Anggaran Penduduk Semasa yang berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan 2010.
2. *Lain-lain agama termasuk Tao, Konfusianisme, Bahai, Puak/suku/ folk agama tradisi lain orang Cina.
3. Data ini adalah berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2010 dan akan disemak semula setelah hasil dapatan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 diperolehi.
4. Data ini tidak pernah diterbitkan oleh DOSM dan ia disediakan hanya untuk kegunaan dalaman sahaja.

3. Operasi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) telah selesai pada 31 Oktober 2021. Dapatan awalan operasi Banci Malaysia 2020 telah diumumkan pada 1 November 2021 dan akan dimuktamadkan setelah melalui proses verifikasi dan validasi data. Data muktamad Banci Malaysia 2020 akan dikeluarkan dalam bentuk laporan secara berperingkat bermula dari Januari 2022 sehingga 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes kebocoran data bagi tahun 2011 hingga 2021 dan langkah-langkah yang diambil bagi memperkukuhkan infrastruktur keselamatan siber negara.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara (*National Cyber Coordination and Command Centre* (NC4)), jumlah kes kebocoran data peribadi yang signifikan sepanjang 2011 sehingga 2021 adalah sebanyak 8 kes dengan anggaran sebanyak 67.5 juta rekod peribadi rakyat Malaysia telah dicuri dan dijual di pasaran gelap. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada kes-kes yang dilaporkan dan mendapat liputan daripada media.
2. Antara sebab berlakunya insiden kebocoran data peribadi adalah penglibatan orang dalam sebagai dalang, pelanggaran polisi keselamatan yang telah ditetapkan dan kelemahan dan kerentanan pada sistem yang menyebabkan sistem dimanipulasi untuk mendapatkan data daripada pangkalan data.
3. Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memastikan keselamatan maklumat peribadi ini dilindungi adalah kerajaan telah menguatkuasakan Akta 709: Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 serta menubuhkan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang berperanan untuk memastikan pematuhan akta melalui peningkatan kesedaran/promosi, amalan-nasihat yang baik dan memberikan nasihat umum dan bimbingan serta menjalankan penguatkuasaan. Tanggungjawab utama Jabatan ini adalah mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh pengguna data serta menguatkuasakan Akta untuk membanteras penyalahgunaan data peribadi.

4. Selain itu, daripada aspek keselamatan maklumat secara keseluruhan, Kerajaan juga telah menetapkan keperluan dan baseline keselamatan siber yang perlu kepada agensi-agensi *Critical National Information Infrastructure* (CNII) melalui pelaksanaan Pensijilan MS ISO/IEC 27001 Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System* (ISMS)) untuk agensi-agensi CNII melalui keputusan Jemaah Menteri pada 24 Februari 2010. Pensijilan ini menetapkan keperluan pematuhan melalui satu pendekatan yang sistematik dalam pengurusan maklumat bagi menjamin keselamatan maklumat termasuk polisi, proses, prosedur dan fungsi perkakasan serta perisian berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

SOALAN

TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan purata saringan dan juga kadar positif COVID-19 di Sabah bagi tahun 2021 mengikut pecahan bulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat 3 jenis ujian saringan bagi virus SARs-CoV-2 di negara pada ketika ini, iaitu ujian PCR, RTK Ag oleh Profesional dan RTK Ag yang dilakukan secara sendiri. Bagi negeri Sabah, kesemua jenis ujian ini digunakan sebagai ujian pengesanan pengesanan COVID-19 dalam pengurusan kes positif, pengurusan kontak rapat dan garis panduan kuarantin sendiri.

2. Sehingga 2 Disember 2021, sejumlah 2,851,466 ujian telah dijalankan dengan kadar positif 10.8%. Jadual berikut merupakan purata bilangan saringan dan kadar positif COVID-19 di SABAH bagi tahun 2021 mengikut pecahan bulan.

Bulan / 2021	Jumlah Sampel Bulanan	Purata (Ujian/Sehari)	Kadar positif %
Januari	291,744	9,411	4.37
Februari	205,880	7,625	2.22
Mac	168,758	5,443	1.41
April	174,413	5,813	2.22
Mei	162,222	5,232	3.11
Jun	184,514	6,150	4.46
Julai	332,875	10,737	7.64
Ogos	608,584	19,631	19.73
September	383,781	12,792	21.96
Oktober	171,587	5,535	13.72
November	161,305	5,376	11.90
Disember*	5,803	2,901	8.32

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan pembangunan dan projek yang berjaya disiapkan berbanding sasaran di Parlimen Papar dari tahun 2010 hingga 2021.

JAWAPAN**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2010 sehingga tahun 2021, jumlah peruntukan pembangunan (DE) yang telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Papar adalah sebanyak RM2.156 bilion bagi membiayai pelaksanaan 112 projek pembangunan yang melibatkan pelbagai kementerian sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan pada *Rolling Plan* Pertama (RP1) Tahun 2021 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 projek dengan kos sebanyak RM1.084 bilion telah disiapkan. Manakala baki 53 projek yang belum siap dengan kos sebanyak RM1.073 bilion akan diteruskan pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia berikutnya.
2. Bilangan projek bagi tempoh 2010 hingga 2021 adalah seperti berikut:

Tempoh Pelaksanaan	Bilangan Projek	Peruntukan (RM juta)	Bilangan Projek Siap
RMKe-10 (2010-2015)	50	434.58	44
RMKe-11 (2016-2020)	33	767.75	13
RMKe-12 (2021-2025) *RP1 Tahun 2021	29	954.04	2
Jumlah	112	2,156.37	59

* Maklumat sehingga bulan November 2021

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

SOALAN

TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha-usaha yang dibuat bagi meningkatkan semula aktiviti pelancongan, seni dan budaya di Sabah apabila rentas negeri dan sempadan negara dibuka semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah membangunkan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 yang merupakan hala tuju industri pelancongan negara. Dasar ini mengandungi strategi-strategi utama bagi mengembalikan daya saing industri pelancongan negara di peringkat antarabangsa.

2. DPN juga menggariskan agenda transformasi yang memberi fokus pada usaha-usaha meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat, mengukuhkan daya tahan dan kemampuan industri pelancongan negara.

3. Selanjutnya, MOTAC melalui beberapa siri perbincangan bersama penggiat industri pelancongan telah membangun dan melaksanakan Pelan Pemulihan Pelancongan (PPP) yang berpandukan DPN.

4. Program yang digariskan melalui PPP adalah berdasarkan fokus-fokus berikut:

- (i) Fokus 1 : merencanakan semula pelancongan domestik dengan menawarkan insentif dan promosi yang menerusi kerjasama bersama persatuan-persatuan hotel, syarikat penerbangan dan persatuan syarikat pengendali pelancongan;
- (ii) Fokus 2 : mengembalikan keyakinan awam untuk melancong sambil menyesuaikan diri dengan norma baharu seperti pematuhan kepada prosedur operasi standard dan mengutamakan keselamatan, kebersihan dan keselamatan kesihatan;

NO. SOALAN : 15

- (iii) Fokus 3 : memberi keutamaan kepada digitalisasi proses perniagaan menerusi aplikasi teknologi tanpa sentuhan yang selamat dan lancar;
- (iv) Fokus 4 : meningkatkan kemahiran penggiat industri menerusi program pemahiran semula peningkatan kemahiran yang berterusan demi meningkatkan kapasiti dan kredibiliti profesion pelancongan dalam norma baharu terutamanya penyesuaian berkaitan latihan literasi digital.
- (v) Fokus 5 : Meneroka potensi pelaksanaan gelembung pelancongan domestik dan antarabangsa untuk memulakan semula aktiviti pelancongan negara.

5. Dalam pada masa yang sama, MOTAC akan meneruskan kerjasama erat dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah khususnya Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KEPKAS) dan Lembaga Pelancongan Sabah (STB) bagi mengetengahkan program-program yang berimpak tinggi kepada industri pelancongan, seni dan budaya dari semasa ke semasa.

6. Di bawah Sektor Kebudayaan, pelbagai usaha dilaksanakan melalui pelbagai agensi di bawah seliaan MOTAC. Antaranya ialah melalui Kraftangan Malaysia yang sentiasa giat membangunkan produk pelancongan berasaskan kraf di Sabah. Sehingga 31 Oktober 2021, terdapat 2,106 orang usahawan kraf dan 350 orang tenaga kerja di Sabah dengan nilai jualan kraf melebihi RM16juta. Pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan, termasuklah:

- (i) penganjuran Program *Cultural Show* secara bulanan bertempat di lokasi strategik sekitar Jalan Tugu, Kota Kinabalu. membabitkan 480 usahawan kraf di Sabah;

NO. SOALAN : 15

- (ii) Penganjuran program *Pit Stop Cultural Centre* dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) membabitkan lebih 150 komuniti kraf sokongan di Sabah;
- (iii) Promosi Kraf di Pusat Membeli-Belah di Kota Kinabalu pada bulan November hingga Disember 2021 bagi menyemarakkan kembali promosi jualan kraf di lokasi tumpuan pelancongan; dan
- (iv) Promosi jualan kraf di program Tamu Besar Kota Belud 2021 melibatkan lebih 330 orang usahawan kraf yang mengusahakan produk seperti rotan, serdang, tenun dasar dan parang bajau.

7. Selain itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) turut menyusun beberapa program yang akan menyemarakkan aktiviti kebudayaan dan kesenian yang sebelum ini terhenti akibat penularan COVID-19. Sebagai langkah awal, kemudahan yang terdapat di Kompleks JKKN Sabah seperti auditorium, bilik latihan, bilik seminar dan bilik mesyuarat NGO akan dibuka kepada pihak luar dengan pematuhan kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Selain itu, JKKN Sabah juga akan melaksanakan Pementasan Teater Rumah Kedai Jalan Seladang dan Jejak Pelancongan Budaya @ Kundasang.

8. MOTAC yakin kerjasama semua pihak terlibat akan dapat mempercepatkan industri pelancongan, seni dan budaya di Sabah untuk kembali bangkit setelah mengharungi cabaran yang getir sejak penularan COVID-19 yang telah merencatkan pertumbuhan dan penjanaaan pendapatan dalam industri ini.

Sekian, terima kasih.